

Perjuang pendapatan sama rata antara kaum

Pencapaian Melayu tak boleh diukur dari segi ekuiti 30 peratus

Oleh Misiah Taib

MELAKA: Pergerakan Pemuda Umno mahu ketidakeimbangan pendapatan antara kaum Melayu dengan Cina yang kini pada nisbah RM1:RM1.64 disamaratakan dan jurang pendapatan itu, dihapuskan sama sekali menjelang 2020.

Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, yang menyuarakan cadangan itu semalam berkata, pencapaian orang Melayu tidak boleh diukur dari segi ekuiti 30 peratus penyertaan ekonomi, sebaliknya lebih tepat jika pendapatan dijadikan kayu ukur.

Katanya, setakat ini kerajaan sudah meletakkan sasaran merapatkan jurang pendapatan antara Melayu dan Cina kepada nisbah RM1:RM1.50 menjelang 2010 seperti disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Hari ini Pemuda Umno mahu kerajaan mensasarkan nisbah itu menjadi RM1:RM1 menjelang 2020. Kita mahu ketidakeimbangan ekonomi dihapuskan sama sekali," katanya berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Bahagian Tangga Batu di sini, semalam.

Hadir sama ialah Ketua Umno Bahagian Tangga Batu, Datuk Yaakub Md Amin; Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Idris Haron dan Ketua Pemuda Umno Melaka, Ashakari Abu Noor.

Khairy berkata, Pemuda perlu berani meletakkan sasaran berkenaan dan meminta kerajaan mengkaji sama ada realistik untuk menghapuskan terus jurang pendapatan antara Melayu dan Cina menjelang 2020.

Katanya, Pemuda mahu menjelang 2020, bukan saja Malaysia menjadi negara maju, malah bangsa Melayu juga menjadi sebuah bangsa maju.



SEMANGAT BANGSA: Khairy mencium keris sambil di perhatikan Yaakub (tengah) dan Idris (kiri) selepas berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Bahagian Tangga Batu, semalam.

Khairy berkata, ekuiti 30 peratus di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) oleh orang Melayu tidak boleh digunakan untuk menggambarkan segala-galanya kerana ia tidak memberi gambaran jelas.

"Kalau kita betul-betul nak tengok dari segi kemajuan dan pencapaian orang Melayu, kita kena tengok dari segi pendapatan kerana ada yang tak melabur dalam pasaran saham.

"Kadar pendapatan menggambarkan kemajuan dan menjadi perbandingan sebenar antara orang Melayu dan bukan Melayu," katanya.

Khairy turut menyentuh pentingnya perpaduan sebagai perkara po-

“Pemuda Umno mahu kerajaan mensasarkan nisbah itu menjadi RM1:RM1 menjelang 2020. Kita mahu ketidakeimbangan ekonomi dihapuskan”

Khairy Jamaluddin
Naib Ketua Pemuda Umno

kok dalam parti selari dengan lagu Umno sendiri Bersatu, Bersetia, Berkhidmat.

"Tanpa perpaduan, setiap matlamat yang digariskan parti tidak akan dapat dicapai," katanya yang mahu ahli Umno mengambil iktibar daripada masalah di Lubnan yang menyaksikan tiada perpaduan di kalangan umat Islam di dunia.

Beliau juga memberi amaran mengenai ada usaha segelintir pihak dalam Umno yang cuba mengugat kestabilan dalam parti dan mahu setiap ahli bersatu menyokong pucuk kepimpinan parti ke arah memperkukuhkan Umno.